

# MALAYSIA

## dari segi SEJARAH

### (MALAYSIA IN HISTORY)

---

KDN PP 1263/5/2014

ISSN 1675-0594

BIL.42-2014

---

#### KANDUNGAN

- ELEMEN INOVASI DAN KREATIVITI MASYARAKAT ZAMAN  
PRASEJARAH AKHIR BERDASARKAN LAKARAN MOTIF DAN POLA  
HIASAN GENDANG GANGSA DI ASIA TENGGARA 1  
*Adnan Jusoh*
- TOKOH MELAYU DALAM MESYUARAT PERINGKAT  
PERSEKUTUAN DAN NEGERI DI SELANGOR, 1877-1941 17  
*Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria*
- REAKSI BRITISH TERHADAP KEGIATAN MAJLIS AGAMA TERTINGGI  
(MATA) DAN HIZBUL MUSLIMIN DI TANAH MELAYU, 1948-1949 38  
*Abu Hanifah Haris*
- LEGASI SEJARAH DALAM ISU PERBEKALAN AIR DI ANTARA  
MALAYSIA DAN SINGAPURA: SEJARAH PERBEKALAN AIR DARI  
JOHOR KE SINGAPURA SEHINGGA 1962 57  
*A Rahman Tang bin Abdullah*
- SEJARAH PERKHIDMATAN AWAM 72  
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU, 1948-1957  
*Nur Najwa Yusof*
- DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABANG MOASALI: 83  
BAPA KEMERDEKAAN DAN MALAYSIA SARAWAK  
*Abdullah Zakaria bin Ghazali*
- PERKEMBANGAN PERGERAKAN KOMUNIS DAN PARTI KOMUNIS 99  
MALAYA (PKM) DI NEGERI SEMBILAN, 1920-1960  
*Ho Hui Ling*
- PILIHANRAYA NEGERI DAN PARLIMEN 1959 DI KELANTAN: 114  
SATU PERBINCANGAN  
*Ruzaini Fikri Mohd Azman*

# REAKSI BRITISH TERHADAP KEGIATAN MAJLIS AGAMA TERTINGGI (MATA) DAN HIZBUL MUSLIMIN DI TANAH MELAYU, 1948-1949

Abu Hanifah Haris\*

## Pengenalan

Sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua, kesedaran orang Melayu terhadap kedudukan bangsa Melayu yang tertindas dan perjuangan mendapatkan kemerdekaan semakin meningkat. Orang Melayu mula mengenali erti kebebasan dan kemerdekaan, malah orang Melayu mula menampakkan kematangan dalam berpolitik melalui kesedaran mereka terhadap penubuhan parti politik bagi mencapai kemerdekaan. Maka lahirlah beberapa parti politik Melayu seperti *United Malay National Organisation* (UMNO) yang berhaluan kanan, serta penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dikategorikan oleh British sebagai berhaluan kiri. Namun begitu, segelintir orang Melayu yang mempunyai kesedaran islah menyedari tentang keperluan kepada penubuhan sebuah parti politik bercorak Islam yang memperjuangkan cita-cita bagi mendapatkan kemerdekaan, seterusnya menubuhkan sebuah negara Islam yang menyebarkan syiar Islam. Kesedaran tersebut akhirnya membawa kepada penubuhan Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol pada tahun 1948.

Secara umumnya, artikel ini akan membincangkan reaksi British terhadap kegiatan Majlis Agama Tertinggi (MATA) pada tahun 1948, serta reaksi British terhadap kegiatan Hizbul Muslimin pada tahun 1948 sehinggalah pembubarannya pada tahun 1949. Perbincangan artikel ini dimulakan dengan kupasan ringkas mengenai latar belakang Maahad al-Ihya' al-Syariff, Gunung Semanggol yang bukan sahaja menjadi tempat berlangsungnya persidangan khas sehingga membawa kepada penubuhan MATA, malah menjadi pusat pengasasan dan pusat kegiatan Hizbul Muslimin. Perbincangan berikutnya akan meneliti reaksi British terhadap kegiatan MATA, diikuti perbincangan mengenai reaksi British terhadap kegiatan Hizbul Muslimin sejak penubuhannya pada tahun 1948 sehingga pembubarannya pada tahun 1949.

## Latar Belakang Maahad al-Ihya' al-Syarif

Maahad al-Ihya' al-Syarif telah ditubuhkan secara rasmi pada 15 April 1934 bersamaan 1 Muharram 1353H di Gunung Semanggol, Perak. Pemilihan nama "al-Ihya' al-Syarif" yang berasal daripada bahasa Arab bermaksud "menghidupkan kemuliaan" telah dicadangkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan mertuanya, Ustaz Abdul Rahman.<sup>1</sup> Kelahiran Maahad al-Ihya' al-Syarif juga menyaksikan peranan Pondok al-Rahmaniyyah yang sebelum ini menjadi pusat

---

\* Dr. Abu Hanifah Haris ialah pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1 Maksud "Menghidupkan Kemuliaan" di sini merujuk kepada usaha menghidupkan kemuliaan dalam soal agama Islam.

pembelajaran agama dalam kalangan penduduk Gunung Semanggol mula merosot. Maahad al-Ihya' al-Syarif telah beroperasi di kedai empat pintu berhadapan dengan Sekolah Melayu Gunung Semanggol sehingga tahun 1940.<sup>2</sup> Pada peringkat awal, pelajar Maahad al-Ihya' al-Syarif terdiri daripada pelajar lelaki sahaja.<sup>3</sup> Pelajar tersebut merupakan penduduk tempatan berjumlah sekitar 60 hingga 70 orang pelajar, manakala bakinya merupakan bekas pelajar Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar dan Madrasah Dairatul Maarif Wataniah, Pulau Pinang.<sup>4</sup>

Pengetua Maahad al-Ihya' al-Syarif merupakan Ustaz Abu Bakar al-Baqir.<sup>5</sup> Pentadbiran Maahad al-Ihya' al-Syarif dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang dinamakan sebagai Lembaga Pengurus al-Ihya' sehingga tahun 1940.<sup>6</sup> Pada tahun 1940, Lembaga Pengurus al-Ihya' digantikan dengan Persatuan al-Ihya' al-Syarif Berhad yang bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran dan pengurusan kewangan Maahad al-Ihya' al-Syarif, serta menjaga kebajikan guru dan pelajar Maahad al-Ihya' al-Syarif. Dari tahun 1934 hingga 1941, terdapat 25 orang guru yang bertugas di Maahad al-Ihya' al-Syarif.<sup>7</sup> Pelajar pula tidak dikenakan sebarang yuran menyebabkan ramai guru Maahad al-Ihya' al-Syarif terpaksa melakukan pekerjaan kedua seperti mengerjakan sawah dan memotong getah bagi mencari sumber pendapatan.<sup>8</sup>

Maahad al-Ihya' al-Syarif, Gunung Semanggol juga berjaya membuka dua buah cawangan sekolah tersebut di Perak, iaitu di Kota Tampan, Lenggong dan di Glok, Lenggong yang menyediakan pendidikan rendah dan menengah.<sup>9</sup> Sejak penubuhan Maahad al-Ihya' al-Syarif, jumlah pelajar sekolah tersebut mencatatkan peningkatan yang ketara, iaitu 114 orang pelajar pada tahun 1934 kepada sekitar 500 orang pelajar pada tahun 1940. Selain pelajar tempatan, pelajar sekolah tersebut juga datang dari Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah termasuklah pelajar dari luar Tanah Melayu seperti Brunei, Labuan, Sumatera dan Riau. Pertambahan jumlah pelajar menyaksikan keperluan kepada bangunan baru semakin mendesak. Kerja-kerja mendirikan bangunan baru akhirnya telah dimulakan pada pertengahan tahun 1939 dan pembelajaran di bangunan baru bermula pada tahun 1940.<sup>10</sup>

Fahaman Kaum Muda juga sangat berpengaruh di Maahad al-Ihya' al-Syarif.<sup>11</sup> Malah Pengetua Maahad al-Ihya' al-Syarif iaitu Ustaz Abu Bakar al-Baqir sendiri merupakan pengikut fahaman Kaum Muda. Selain itu, terdapat empat orang guru Maahad al-Ihya' al-

- 
- 2 Bangunan kedai tersebut telah dibeli oleh Lebai Sarit, Imam Masjid Bukit Putus, seterusnya diwakafkan menjadi bangunan Maahad al-Ihya' al-Syarif.
  - 3 Bahagian Puteri di Maahad al-Ihya' al-Syarif telah dimulakan pada tahun 1936.
  - 4 Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol, 1934-1959*, Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hlm. 37-38.
  - 5 Pada peringkat awal, jawatan Pengetua Maahad al-Ihya' al-Syarif hendak diberikan kepada abang Ustaz Abu Bakar al-Baqir iaitu Ustaz Muhaiyuddin yang merupakan guru Madrasah Dairatul Maarif Wataniah, Pulau Pinang dan berkelulusan Makkah. Namun begitu, keengganan Madrasah Dairatul Maarif Wataniah melepaskan Ustaz Muhaiyuddin dan kepercayaan beliau terhadap kemampuan adiknya menyebabkan jawatan tersebut diberikan kepada Ustaz Abu Bakar al-Baqir.
  - 6 Terdapat tiga orang ahli jawatankuasa Lembaga Pengurus al-Ihya' iaitu Haji Abdul Rahman bin Mahmud, Lebai Sarit (Imam Masjid Bukit Putus) dan Haji Abdul Manaf (Penghulu Gunung Semanggol).
  - 7 Nabir Haji Abdullah, "Perkembangan Pelajaran Aliran Islam di Perak Dengan Rujukan Khas Kepada Il-Ihya Assyariff, Gunung Semanggol", dalam Adnan Haji Nawang (ed.), *Perak Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988, hlm. 69-71.
  - 8 Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 39-40.
  - 9 Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Baqir*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008, hlm. 25.
  - 10 Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 44-47.
  - 11 Untuk perbincangan lanjut tentang Kaum Muda dan perselisihan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua, lihat William R. Roff, "Kaum Muda - Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst the Malaya 1900-1941", *Kertas Kerja Yang Dibentangkan Dalam Readings on Islam in Southeast Asia*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, 1985, hlm. 123-129.

Syarif yang merupakan lulusan Mesir. Pendedahan secara langsung terhadap perkembangan gerakan islah di Mesir juga membolehkan mereka menyebarkan fahaman tersebut secara lebih berkesan kepada para pelajar Maahad al-Ihya' al-Syarif.<sup>12</sup> Walaupun pendudukan Jepun telah membantutkan perkembangan Maahad al-Ihya' al-Syarif, namun pendedahan Maahad al-Ihya' al-Syarif kepada perkembangan politik dan kepimpinan guru-gurunya telah menyediakan Maahad al-Ihya' al-Syarif sebagai platform kepada kebangkitan pertubuhan Islam dan parti politik Islam melalui penganjuran Kongres MATA, seterusnya penubuhan Hizbul Muslimin pada tahun 1948 sehingga menimbulkan keresahan kepada British melalui pelbagai kegiatan yang dilakukan.<sup>13</sup>

### Reaksi British Terhadap Kegiatan MATA

British mula memantau perkembangan gerakan Islam di Gunung Semanggol, Perak sejak penubuhan MATA lagi.<sup>14</sup> British pernah melaporkan kejayaan Shaykh Hussin Rafiq yang berjaya memujuk kerajaan Mesir untuk menerima sepuluh orang pelajar dari Tanah Melayu untuk menyambung pengajian di Mesir setiap tahun dengan yuran pengajian yang lebih rendah, iaitu separuh daripada yuran pengajian biasa. Walau bagaimanapun, pelajar yang berminat disyaratkan agar menghantar permohonan mereka kepada Presiden MATA, seterusnya perlu mendapatkan sokongan Presiden MATA terlebih dahulu. British juga melaporkan bahawa sumber lain ada menyebut bahawa tujuan utama kedatangan Shaykh Hussin Rafiq ke Mesir bertujuan untuk mendapatkan pengiktirafan Liga Arab terhadap penubuhan MATA.<sup>15</sup>

British juga pernah melaporkan penganjuran mesyuarat PKMM daerah Kinta, Perak yang diadakan pada 1 Februari 1948 di rumah salah seorang anggota PKMM bernama Abdul Jalil.<sup>16</sup> Dalam mesyuarat tersebut, satu resolusi telah dicapai bagi menyelesaikan masalah berkaitan orang asli daripada puak Sakai yang telah memeluk Kristian dengan menghantar surat kepada beberapa organisasi, termasuklah MATA.<sup>17</sup> British turut melaporkan kegiatan salah seorang ahli PKMM bernama Mohamed Isa. Beliau bukan sahaja menganggotai

12 Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 67-69.

13 Meskipun Maahad al-Ihya' al-Syarif tidak diganggu semasa zaman pendudukan Jepun, namun perkembangannya turut terbantut akibat suasana perang yang tidak stabil. Ketika pendudukan Jepun, guru-guru dan para pelajar yang datang dari luar Gunung Semanggol dan bukan merupakan penduduk tempatan juga terpaksa pulang ke kampung halaman masing-masing sekaligus meninggalkan guru-guru dan para pelajar yang tinggal berhampiran Gunung Semanggol sahaja. Maahad al-Ihya' al-Syarif juga mengalami masalah kewangan yang serius akibat kegagalan Lembaga Pengurus al-Ihya' menjalankan tugasnya, selain ketiadaan sumber kewangan khususnya hasil getah akibat kesukaran penduduk untuk keluar menoreh dan menjual getah. Guru-guru Maahad al-Ihya' al-Syarif bukan sahaja terpaksa mengajar secara sukarela, malah terpaksa melakukan pekerjaan tambahan bagi mencari sumber pendapatan. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Baqir*, hlm. 27.

14 Majlis Agama Tertinggi (MATA) ditubuhkan secara rasmi pada 24 Mac 1947, iaitu sehari selepas penubuhan Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) pada 23 Mac 1947. Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 117.

15 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 2/1948, 31 Januari 1948, hlm. 47. Liga Arab telah ditubuhkan pada 22 Mac 1945 di Kaherah, Mesir. Pada peringkat awal, anggota Liga Arab terdiri daripada Mesir, Syria, Lubnan, Iraq dan Jordan, Arab Saudi dan Yaman. Ibu pejabat Liga Arab pula terletak di Kaherah, Mesir. Tujuan penubuhan Liga Arab ialah bagi mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi di Dunia Arab. Lihat John E. Jessup, *An Encyclopedic Dictionary of Conflict and Conflict Resolution, 1945-1996*, Westport, Connecticut: Greenwood Press, 1998, hlm. 32.

16 PKMM ditubuhkan secara rasmi pada 17 Oktober 1945. Lihat Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2004, hlm. 7.

17 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 3/1948, 15 Februari 1948, hlm. 67.

REAKSI BRITISH TERHADAP KEGIATAN MAJLIS AGAMA TERTINGGI (MATA)  
DAN HIZBUL MUSLIMIN DI TANAH MELAYU, 1948-1949

Kesatuan Melayu Muda (KMM), malah turut dilantik sebagai Setiausaha Agong, Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS), iaitu salah satu pertubuhan ekonomi di bawah MATA.<sup>18</sup>

British turut melaporkan penganjuran satu mesyuarat di rumah Sayyid Ibrahim bin Omar al-Sagoff di Singapura bagi membentuk sebuah parti politik Islam. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Kiyai Haji Mashoor Azahari, seorang pemimpin Masyumi di Indonesia dan beberapa individu lain termasuklah Dr. Burhanuddin al-Helmy selaku Penasihat PKMM, Sardon Jubir selaku Presiden Persatuan Melayu Singapura dan Abdullah Yahya selaku Pengerusi Jawatankuasa Anti-Pemisahan Palestin Singapura.<sup>19</sup> Pada 19 Februari 1948, Kiyai Haji Mashoor Azahari dilaporkan telah melawat Ustaz Abu Bakar al-Baqir, wakil MATA di Gunung Semanggol. MATA juga dilaporkan telah menjemput beliau untuk menghadiri Kongres MATA yang akan diadakan pada 13 Mac 1948. Beliau bukan sahaja memberikan persetujuan untuk menghadiri kongres tersebut, malah turut bersetuju untuk menyampaikan ceramah berkenaan pembentukan parti politik Islam. Beliau juga dilaporkan telah menghubungi penyokong MATA dalam kalangan pegawai kerajaan yang merupakan anggota Lembaga Kesatuan Melayu Johor.<sup>20</sup>

British turut melaporkan bahawa pihak penganjur sedang mengadakan persiapan rapi bagi penganjuran Kongres MATA yang akan diadakan di Gunung Semanggol, Perak pada 13 hingga 16 Mac 1948. Sebuah jawatankuasa juga telah dibentuk bagi memastikan persidangan tersebut berjalan lancar. Satu usul juga telah dipersetujui dalam mesyuarat terkini bagi menjemput kesemua orang Melayu yang menganggotai pelbagai pertubuhan dan parti politik di Melayu, termasuklah UMNO dan PKMM. Sultan Kedah juga dilaporkan telah menerima jemputan untuk menghadiri persidangan tersebut, namun kemungkinan besar baginda tidak akan menghadirinya.<sup>21</sup> Kiyai Haji Mashoor Azahari juga dilaporkan akan

- 
- 18 Mohamed Isa dilahirkan di Rawa, Sumatera pada tahun 1916 dan berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1924. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Parit Buntar, Perak seterusnya dilantik sebagai guru dan mengajar di Sekolah Melayu Teluk Pial, Perak pada tahun 1933. Beliau kemudian memasuki Sultan Idris Training College (SITC), Tanjong Malim, Perak pada tahun 1934 sehingga tahun 1936 sebelum memasuki Sekolah Pertanian di Serdang, Selangor (1940-1941). Lihat CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 3/1948, 15 Februari 1948, hlm. 68.
- 19 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 4/1948, 29 Februari 1948, hlm. 102. Kiyai Haji Mashoor Azahari merupakan seorang ulama dari Indonesia yang merupakan lulusan Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau juga merupakan ahli Masyumi dan terlibat secara aktif dalam kegiatan politik di Palembang sehingga telah dihalau keluar oleh Belanda. Beliau telah tiba di Singapura pada bulan Februari 1948 untuk menubuhkan sebuah parti yang menyerupai Masyumi di Tanah Melayu. Lihat CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 3/1948, 15 Februari 1948, hlm. 71.
- 20 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 4/1948, 29 Februari 1948, hlm. 102. Ustaz Abu Bakar al-Baqir (1907-1974) dilahirkan di Gunung Semanggol, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Gunung Semanggol, Madrasah al-Rahmaniyah, Gunung Semanggol (1919-1924) dan Madrasah Dairatul Maarif Wataniyah, Pulau Pinang. Beliau kemudian menjadi guru pelatih di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, Perak (1931-1934). Pada tahun 1934, beliau kembali ke Gunung Semanggol dan menjadi tenaga pengajar di sebuah madrasah yang baru ditubuhkan iaitu Maahad al-Ihya' al-Syarif, Gunung Semanggol, Perak. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Baqir*, hlm. 5-11. Ustaz Abu Bakar al-Baqir kemudian dilantik sebagai Pengetua Maahad al-Ihya' al-Syarif. Beliau juga merupakan bekas anggota KMM dan MPAJA. Pada tahun 1942, beliau pernah memohon kepada Jepun agar Sekolah King Edward II dan Sekolah Inggeris Taiping dijadikan sebuah sekolah Arab dengan tanggapan bahawa British tidak akan kembali semula ke Tanah Melayu dan pembelajaran bahasa Inggeris tidak lagi penting. Beliau juga terlibat dalam penubuhan MATA, PEPERMAS dan pernah dilantik sebagai Presiden Hizbul Muslimin. Lihat Appendix "A", dalam CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 8.
- 21 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 5/1948, 15 Mac 1948, hlm. 140. Sultan Kedah ketika itu merupakan Sultan Badlishah ibni al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1894-1958). Baginda dilantik sebagai Sultan Kedah pada 14 Mei 1943 iaitu ketika pendudukan Jepun. Lihat Mohammad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945: Tumpuan di Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 147.

menghadiri Kongres MATA di Gunung Semanggol bagi menubuhkan sebuah parti politik Islam. British juga percaya bahawa meskipun Kiyai Haji Mashoor Azahari tidak dapat hadir, parti tersebut tetap akan ditubuhkan.<sup>22</sup> Laporan daripada Perak ada memberikan gambaran lanjut mengenai lawatan Shaykh Hussin Rafiq ke Mesir. Beberapa syarat juga telah ditetapkan bagi calon-calon yang berminat untuk memohon biasiswa bagi menyambung pengajian di Universiti al-Azhar:

1. Calon mestilah merupakan seorang pelajar Melayu yang kurang berkemampuan dan belajar di sekolah Arab.
2. Calon mestilah merupakan ahli PKMM, MATA, PETA (Ikatan Pemuda Tanah Air) atau PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat).
3. Calon mestilah berumur lebih daripada 22 tahun.
4. Calon mestilah seorang pelajar Melayu daripada keturunan Indonesia yang bercita-cita tinggi.
5. Separuh daripada perbelanjaan perlu ditanggung oleh pelajar manakala sebahagian perbelanjaan akan ditanggung oleh kerajaan Mesir.
6. Permohonan perlu dihantar kepada MATA.
7. Calon yang berjaya akan dihantar ke Mesir dalam tempoh setahun.
8. Calon mestilah merupakan pelajar Madrasah al-Huda di Pulau Pinang, Maahad al-Ihya' al-Syarif di Gunung Semanggol, Madrasah Zainal Abidin di Kuala Terengganu atau Sekolah Rakyat di Kelantan.
9. Permohonan terbuka kepada pelajar lelaki dan pelajar perempuan.<sup>23</sup>

British turut melaporkan kejayaan penganjuran Kongres MATA pada 13 Mac 1948. Antara pemimpin dan tokoh politik terkenal yang menghadiri kongres tersebut ialah Haji Ariffin bin Haji Alias, Tengku Osman Hussin selaku pemimpin Masyumi, Dr. Burhanuddin al-Helmy selaku Penasihat PKMM, Ishak Haji Muhammad selaku Presiden PKMM, Abdul Rahid Maidin dari Parti Komunis Malaya (PKM) dan Sayyid Abu Bakar al-Attas dari Johor. Walau bagaimanapun, Kiyai Haji Mashoor Azahari tidak dapat menghadiri kongres tersebut dan telah meninggalkan Tanah Melayu pada 17 Mac 1948. Meskipun akhbar-akhbar Melayu melaporkan bahawa jumlah hadirin yang menghadiri kongres tersebut mencecah 5,000 orang, namun British beranggapan bahawa hanya 2,000 orang hadirin sahaja yang datang ke kongres tersebut.<sup>24</sup>

Resolusi terpenting yang dicapai dalam kongres tersebut pada 14 Mac 1948 ialah pembentukan Hizbul Muslimin yang beribu pejabat di Johor Bahru.<sup>25</sup> Barisan pemimpin Hizbul Muslimin terdiri daripada Ustaz Abu Bakar al-Baqir (Ketua Umum), Haji Ariffin bin Haji Alias (Ketua Satu) dan Daud bin Jamil (Ketua Dua).<sup>26</sup> Hizbul Muslimin juga disyaki

22 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 5/1948, 15 Mac 1948, hlm. 144.

23 *Ibid.*, hlm. 140-141.

24 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 177.

25 Penubuhan Hizbul Muslimin juga turut membimbangkan pemimpin Melayu, khususnya pemimpin UMNO. Dato' Onn Jaafar misalnya pernah memberi amaran kepada orang Melayu dengan mengatakan bahawa, "hubaya-hubaya musuh turun dari gunung". Gunung yang beliau maksudkan tidak lain melainkan Gunung Semanggol yang menjadi markas Hizbul Muslimin pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Lihat Ahmad Boestamam, "Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) Lahir: Badan-Badan Kiri Melayu Digabungkan", *Berita Harian*, 10 Oktober 1971, hlm. 12. Ketiga menyampaikan ucapan di Tangkak, Johor, Dato' Onn Jaafar menyatakan bahawa, "kita telah melihat merbahaya keluar dari hutan dalam tahun 1945, dan hari ini kita melihat merbahaya yang akan turun dari gunung atas muslihat agama". Lihat *Utusan Melayu*, 21 Jun 1947, hlm. 2.

26 Appendix "A", dalam CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 3. Lihat juga Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihyia Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 171.

mempunyai kaitan dengan Masyumi yang mempunyai ramai pengikut di Indonesia dan sedang merancang untuk menubuhkan cawangannya di seluruh Tanah Melayu.<sup>27</sup> Sebuah kongres khas juga akan diadakan di Johor Bahru dalam masa yang terdekat. Hizbul Muslimin juga disyaki sedang mengadakan kerjasama yang erat dengan pelbagai organisasi dari Indonesia.<sup>28</sup>

Beberapa resolusi penting lain juga telah dicapai dalam kongres tersebut. Pertama ialah kritikan terhadap pemerintahan kerajaan Thailand yang melakukan pelbagai penindasan terhadap umat Islam di selatan Thailand.<sup>29</sup> Kedua ialah pembentukan Jawatankuasa Bantuan Palestin yang dipengerusikan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk merancang pemberian bantuan kepada umat Islam di Palestin. Mesyuarat Jawatankuasa Ekonomi Pusat pula telah diadakan pada 15 Mac 1948. Dalam mesyuarat tersebut, beberapa individu telah menyampaikan ucapan termasuklah Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Abdul Rashid Maidin dari PKM pula menyampaikan ucapan berkenaan ekonomi dan komunis. Ishak Haji Muhammad pula mencadangkan bahawa Hari Kebangsaan perlu disambut pada 10 Ogos setiap tahun. Berkenaan dengan laporan kewangan Bank Kebangsaan Melayu, Ishak Haji Muhammad menyatakan:

*I have discovered that \$93,000 has been collected but of this \$86,000 has been lent to Tengkus, Rajas and Datuks, and when the time for repayment came they were unable to do so.*<sup>30</sup>

Persidangan tersebut juga mencadangkan penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu yang dinamakan sebagai Universiti Hang Tuah yang akan dibina di Gunung Semanggol, Perak. British juga telah menyimpulkan beberapa fakta mengenai penganjuran kongres tersebut:

- 27 Masyumi (Majlis Syuro Muslimin Indonesia) merupakan sebuah parti politik bercorak Islam yang ditubuhkan di Indonesia. Parti tersebut ditubuhkan oleh pentadbiran kolonial Jepun pada tahun 1943 sebagai alat untuk mengawal pertubuhan Islam. Selepas kemerdekaan Indonesia, pembaharuan telah dilakukan oleh pemimpin Muhammadiyah yang telah menguasai Masyumi. Walau bagaimanapun, Sukarno telah mengharamkan parti tersebut pada tahun 1960, dan pemimpin Masyumi iaitu Muhammad Natsir telah ditahan kerana menyokong pemberontakan Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia (PRRI). Lihat Zachary Abuza, *Political Islam and Violence in Indonesia*, Oxon, United Kingdom: Routledge, 2007, hlm. 15-17.
- 28 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 177. Penubuhan Hizbul Muslimin bukan sahaja berkait rapat dengan kegagalan anggota UMNO yang dilihat tidak mampu menjamin peranan utama yang dimainkan oleh Islam dalam penubuhan negara dan negeri, tetapi juga mendapat inspirasi daripada perjuangan sebuah gerakan Islam peringkat antarabangsa yang berasal dari Mesir iaitu Ikhwani al-Muslimin. Lihat Joseph Chinyong Liow, *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia*, Oxford: Oxford University Press, 2009, hlm. 21. Penubuhan Hizbul Muslimin juga berkait rapat dengan pengaruh Dr. Burhanuddin al-Helmy dan PKMM yang telah menghulurkan pelbagai bantuan dalam penubuhan MATA seterusnya membawa kepada penubuhan Hizbul Muslimin. Lihat Ahmad Bostamam, "Barisan Tani Se-Malaya Diperhebat Perjalanannya", *Berita Harian*, 15 Ogos 1971, hlm. 12.
- 29 Bantahan terhadap pemerintahan kerajaan Thailand di selatan Thailand akan dihantar kepada beberapa organisasi dan pertubuhan seperti Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Jawatankuasa Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perdana Menteri Thailand, Pesuruhjaya Khas Asia Tenggara, Liga Asia Tenggara dan Liga Arab.
- 30 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 178. Bank Kebangsaan Melayu memulakan operasinya pada 1 Julai 1947 di Kuala Lumpur. Bank tersebut mempunyai modal terkumpul sekitar \$2,000,000 (2 juta), iaitu 200,000 unit saham yang berharga \$10 bagi setiap unit. Bank Kebangsaan Melayu telah ditadbir oleh Marof Haji Zakaria, seorang bekas pegawai tadbir dalam *Malay Administrative Services* (MAS). Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 126. Maarof Haji Zakaria merupakan anak angkat kepada seorang Pegawai Perhutanan, Muhammad Ali dan Wan Halimah, seorang rakyat Jepun yang telah memeluk Islam. Bank Kebangsaan Melayu juga mempunyai beberapa cawangan termasuklah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kematian beliau juga agak misteri setelah beliau ditemui mati dalam keadaan tergantung di Bangsar, Kuala Lumpur. Beliau juga dipercayai telah diseksa sehingga mati sebelum digantung. Temu ramah dengan Haji Abu Hasan bin Haji Abdul Hamid, seorang bekas polis dan sahabat Maarof di Kampung Kayu Ara, Mambau, Negeri Sembilan pada 19 Disember 2012.

1. Persatuan Seruan Islam Seluruh Tanah Melayu (*All Malaya Muslim Missionary Society*) tidak menghantar wakil ke kongres tersebut setelah mengetahui MATA akan menjadi sebuah parti politik di bawah nama Islam.
2. Seorang komunis Melayu bernama Abdul Rashid Maidin mengambil bahagian yang aktif dalam kongres tersebut.
3. MATA akan bekerjasama dengan organisasi berhaluan kiri.
4. Terdapat pengaruh Indonesia yang kuat dalam MATA. Dalam hal ini, MATA bukan sahaja menerima sokongan dan nasihat, bahkan telah dijanjikan bantuan kewangan daripada Pejabat Kedutaan Indonesia di Singapura.<sup>31</sup>

Dalam Kongres Barisan Tani Se-Malaya yang diadakan di Jeram, Kedah pada 25 April 1948, salah seorang ahli pertubuhan tersebut iaitu Baharuddin bin Tahir turut meminta ahli Barisan Tani Se-Malaya mengambil peluang keemasan yang ditawarkan oleh Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR), iaitu sebuah pertubuhan pendidikan di bawah MATA. Menurut Baharuddin, LEPIR dijangka akan menghantar guru-guru dan bahan rujukan khususnya buku-buku kepada sekolah rakyat di seluruh Tanah Melayu.<sup>32</sup>

British turut melaporkan cadangan MATA untuk menubuhkan sebuah kolej perguruan di Gunung Semanggol. Kolej tersebut akan dinamakan sebagai Kulliyyah al-Mu'allimīn al-Awwāliyyah (Kolej Perguruan Sekolah Rendah) yang bertanggungjawab untuk melatih bakal-bakal guru yang akan berkhidmat di sekolah rakyat di seluruh Tanah Melayu. Pelajar kolej tersebut pula akan diambil daripada pelajar darjah 5 dan darjah 6 di sekolah Melayu, sekolah Inggeris dan sekolah Arab bagi menjalani latihan perguruan selama tiga tahun secara percuma.<sup>33</sup>

British turut melaporkan pemergian Dr. Burhanuddin al-Helmy ke Balik Pulau, Pinang Pinang pada 2 Jun 1948. Dr. Burhanuddin al-Helmy kemudian dilaporkan telah mengadakan perbincangan dengan Hashim bin Sulaiman, Pengerusi PKMM Pulau Pinang tentang penubuhan Universiti Hang Tuah di Gunung Semanggol, Perak. Keputusan akhirnya telah dicapai untuk memberikan sokongan sepenuhnya bagi projek penubuhan universiti tersebut. Dr. Burhanuddin al-Helmy kemudian telah melawat Gunung Semanggol, Perak pada 3 Jun 1948.<sup>34</sup>

### Reaksi British Terhadap Kegiatan Hizbul Muslimin

Hizbul Muslimin telah ditubuhkan secara rasmi ketika berlangsungnya Kongres MATA pada 14 Mac 1948.<sup>35</sup> British turut melaporkan kandungan pekeliling rasmi yang telah

31 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 178.

32 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 9/1948, 15 Mei 1948, hlm. 301.

33 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 11/1948, 15 Jun 1948, hlm. 415.

34 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 12/1948, 30 Jun 1948, hlm. 446. Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969) pernah menjadi Penasihat PKMM dan terlibat secara aktif dalam perjuangan kemerdekaan berhaluan kiri. Selepas pengharaman PKMM, beliau dilantik sebagai Presiden Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) pada tahun 1957. Lihat "Burhanuddin is Chosen to Lead the New Islamic Party", *Straits Budget*, 3 January 1957, dalam CO 1030/245, Federation of Malaya, Monthly Political Intelligence Reports.

35 Hizbul Muslimin adalah istilah bahasa Arab yang bermaksud "Parti Orang Islam". Pemilihan nama tersebut diambil daripada ayat al-Quran, iaitu surah al-Mujadalah, ayat 22 (al-Mujadalah: 22). Daripada perkataan *Hizbullah* (Golongan Allah), maka terbitnya istilah *Hizbul Muslimin* (Golongan Islam) yang merujuk kepada "Parti Orang Islam". Pemilihan nama tersebut telah dibincangkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir ketika berlangsungnya Kongres MATA pada 14 Mac 1948, dan dipersetujui oleh Ustaz Abdul Rab Tamimi dan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Malah pengundian yang dijalankan bagi pemilihan nama tersebut juga mendapat sokongan seratus peratus. Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 126.

dikeluarkan oleh Hizbul Muslimin. Menurut pekeliling tersebut, Kongres MATA yang diadakan di Gunung Semanggol pada 13 hingga 17 Mac 1948 dan dihadiri oleh golongan agama dan pemimpin negara merupakan satu peristiwa yang unik dalam sejarah Tanah Melayu. Kongres tersebut juga telah berjaya menubuhkan sebuah parti politik Islam di bawah nama Hizbul Muslimin. Menurut pekeliling tersebut, Tanah Melayu berdasarkan ajaran Islam bercita-cita untuk:

1. Mencapai kemerdekaan dan kedaulatan untuk bangsa dan negara Tanah Melayu.
2. Mewujudkan Pan-Islamisme.
3. Menjadikan Tanah Melayu sebagai Darul Islam (Negara Islam).<sup>36</sup>

Pekeliling tersebut juga menyatakan bahawa bendera Hizbul Muslimin berwarna merah dan putih, iaitu warna kebangsaan bagi Tanah Melayu. Setiap orang Islam layak menjadi ahli Hizbul Muslimin sekiranya mereka dapat mematuhi dasar parti. Berkaitan dengan perjuangan agama dan perjuangan kebangsaan, Hizbul Muslimin berhasrat untuk:

1. Menyedarkan umat Islam di Tanah Melayu terhadap kesedaran politik dan agama.
2. Menyatukan kesemua kelas umat Islam menjadi satu ideologi.
3. Mencapai kebebasan penerbitan, perhimpunan dan pemikiran.
4. Menaik taraf sistem pendidikan agar sesuai dengan peredaran zaman.
5. Menaik taraf adat dan moral orang Melayu.
6. Menaik taraf ekonomi orang Melayu.<sup>37</sup>

Bagi mengembangkan perjuangan politik, Hizbul Muslimin melihat bahawa kerjasama dengan semua pertubuhan di Tanah Melayu amat penting kerana mereka dapat terlibat dalam semua aktiviti untuk membebaskan bangsa dan negara secara bersemuka. Hizbul Muslimin juga akan bekerjasama dengan pergerakan Pan-Islamisme.<sup>38</sup> Menurut Hizbul Muslimin lagi, mereka percaya bahawa jika seseorang menyedari bahawa hidup di dalam sebuah negara yang diperhambai sebagai satu dosa besar sebagaimana terdapat dalam al-Quran, maka menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk bersatu-padu mengikut jalan Allah bagi mencapai harapan untuk mengecap kejayaan. Disebabkan pencapaian sesebuah gerakan memerlukan perbelanjaan, maka Hizbul Muslimin juga telah menetapkan bahawa mana-mana individu yang mahu menjadi ahli Hizbul Muslimin perlu membayar yuran kemasukan sebanyak 50 sen, selain yuran langganan sebanyak \$1 bagi tempoh empat bulan. Hizbul Muslimin juga bersedia untuk menerima sumbangan derma dalam bentuk wang.<sup>39</sup>

British pernah menyiarkan laporan dari Perak berkenaan pemergian Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah bertolak ke Johor Bahru pada 23 Mac 1948 untuk menemui Hajah Zainun Sulaiman (Ibu Zain), seterusnya memujuk beliau agar dapat memimpin Bahagian

---

36 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 258-259.

37 *Ibid.*, hlm. 259.

38 Untuk maklumat lanjut tentang gerakan islah Islamiyah di Tanah Melayu, lihat Mohd. Sarim Hj. Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu, 1906 Hingga 1948", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 121-135.

39 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 259.

Wanita Hizbul Muslimin.<sup>40</sup> British juga pernah melaporkan bahawa Lembaga Kesatuan Melayu Johor telah berjaya menyebarkan pamflet berkenaan Hizbul Muslimin kepada orang Melayu di Johor. Salinan pamflet tersebut juga telah dihantar kepada MATA untuk diedarkan. British turut melaporkan kandungan pamflet tersebut, termasuklah tujuan penubuhan Hizbul Muslimin:

1. Mewujudkan sebuah negara Tanah Melayu yang berdaulat dan merdeka.
2. Mewujudkan standard sosial yang lebih baik berdasarkan prinsip-prinsip Islam, iaitu kesaksamaan dan persaudaraan.
3. Menjadikan Tanah Melayu sebagai Darul Islam (Negara Islam) sebagaimana yang telah dicapai sejak 900 tahun yang lepas.<sup>41</sup>

Selain itu, British turut melaporkan kandungan pamflet edaran Lembaga Kesatuan Melayu Johor berkaitan dengan tanggungjawab dan tugas Hizbul Muslimin iaitu:

1. Menjadikan umat Islam di Tanah Melayu lebih mengambil berat terhadap politik, ekonomi dan agama.
2. Menyatukan kesemua darjat umat Islam menjadi satu.
3. Menegakkan hak asasi manusia berdasarkan ajaran Islam dengan menghormati mesyuarat dan ucapan-ucapan media.
4. Menaik taraf kesemua sekolah awam.
5. Menyediakan sistem pendidikan sealiran dengan ideologi Islam dan situasi terkini.
6. Menaik taraf kehidupan orang Melayu berdasarkan ajaran Islam khususnya bidang sosial, ekonomi, pertanian dan aktiviti perniagaan bagi mencapai kemajuan.
7. Memastikan keahlian dibuka kepada lelaki dan wanita Melayu yang taat pada ajaran agama, setia pada undang-undang dan peraturan parti, dan menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Permohonan keahlian perlu dicadangkan oleh sekurang-kurangnya seorang ahli dan disokong oleh orang lain. Yuran kemasukan ditetapkan sebanyak 50 sen, manakala yuran langganan pula sebanyak \$1 bagi tempoh suku tahun yang pertama.
8. Hizbul Muslimin juga bekerjasama dengan semua persatuan yang menjadikan Islam sebagai salah satu prinsip mereka. Hizbul Muslimin juga bersetuju untuk bergabung dengan pergerakan Pan-Islamisme di seluruh dunia. Hizbul Muslimin terdiri daripada Majlis Tertinggi Agama (MATA) dan bekerjasama

---

40 Hajah Zainun binti Munshi Sulaiman (1903-1989) atau Ibu Zain dilahirkan di Kampung Nyalas, Melaka. Beliau merupakan seorang bekas pendidik, penyair dan pejuang kemerdekaan. Selepas pendudukan Jepun, Ibu Zain telah menubuhkan Kumpulan Ibu Sepakat (KIS). Beliau juga pernah dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu (KI) UMNO Ke-2 selepas peletakan jawatan Putih Mariah pada tahun 1950 dan beliau memegang jawatan tersebut sehingga tahun 1953. Lihat Zinat Kausar, *Women in Politics: the Case of Peninsular Malaysia*, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM), 2006, hlm. 114-115.

41 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 7/1948, 15 April 1948, hlm. 216. Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKSM) merupakan salah sebuah pertubuhan yang menyokong perjuangan UMNO pada peringkat awal. Namun begitu, perselisihan pendapat berkaitan isi kandungan Perjanjian Persekutuan 1948 yang digubal oleh Dato' Onn Jaafar dan keengganan Dato' Onn memohon kemerdekaan penuh daripada British menyebabkan LKSM mula menyokong perjuangan PKMM dan menentang Dato' Onn. Lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 111-112.

dengan Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) dan Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR) yang berpusat di Gunung Semanggol, Bagan Serai, Perak.<sup>42</sup>

British juga melaporkan bahawa Presiden Hizbul Muslimin, Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah melawat Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor bagi mewujudkan cawangan Hizbul Muslimin. Pada 16 April 1948, satu mesyuarat dilaporkan telah diadakan di rumah salah seorang pemimpin Hizbul Muslimin iaitu Haji Ariffin bin Haji Alias di Johor. Selain Haji Ariffin sendiri, Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga telah menyampaikan ucapan berkenaan tujuan penubuhan Hizbul Muslimin. Ibu pejabat Hizbul Muslimin pula dilaporkan masih menumpang di bangunan Lembaga Kesatuan Melayu Johor. Pada 18 April 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir dilaporkan telah melawat Parit Raja di Batu Pahat, Johor bagi menghadiri mesyuarat penubuhan cawangan Hizbul Muslimin yang dihadiri hampir 100 orang hadirin. Satu usul untuk melantik Haji Mohd. Salleh bin Abdul Karim atau Panglima Salleh sebagai presiden cawangan Hizbul Muslimin di Batu Pahat juga telah dipersetujui.<sup>43</sup> Meskipun Haji Mohd. Salleh sendiri tidak hadir, namun majoriti ahli mesyuarat yakin bahawa Haji Mohd. Salleh pasti akan menerima pelantikan tersebut. Terdapat laporan yang menyatakan bahawa Hajah Zainun Sulaiman (Ibu Zain) telah menolak pelawaan untuk menjadi pemimpin Bahagian Wanita Hizbul Muslimin. Laporan dari Perak pula menyatakan bahawa Haji Mokhtar dan Mammu, Presiden dan Setiausaha Persatuan Muhibbah Malim Nawar, iaitu salah satu pertubuhan di bawah UMNO telah meletakkan jawatan bagi menyertai Hizbul Muslimin. Mereka juga telah menjemput Ustaz Abdul Rab Tamimi untuk datang ke Malim Nawar bagi menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin.<sup>44</sup>

British turut melaporkan kejayaan Ustaz Abu Bakar al-Baqir menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Melaka pada 20 April 1948. Hizbul Muslimin cawangan Melaka dipimpin oleh Haji Ahmad bin Harun selaku Presiden. Ketika menyampaikan ucapan di Melaka, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa aliran terkini dalam aktiviti politik di seluruh dunia menunjukkan bahawa orang ramai mula menuntut kemerdekaan. Keadaan tersebut juga merupakan punca penubuhan Hizbul Muslimin kerana kemunculannya dapat meningkatkan tuntutan terhadap hak-hak mereka. Beliau juga menegaskan bahawa kehancuran Hizbul Muslimin juga menandakan kejatuhan agama Islam.<sup>45</sup>

Selain itu, British juga melaporkan pemergian Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Tengku Osman, Mohamed Asri dan seorang individu yang tidak dikenali daripada Perpaduan Rakyat Kalimantan (PRK) ke Ulu Gadong, Negeri Sembilan pada 20 April 1948 untuk melawat

---

42 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 7/1948, 15 April 1948, hlm. 216-217.

43 Haji Mohd. Salleh bin Abdul Karim atau Panglima Salleh merupakan seorang ulama yang terkenal di Batu Pahat, Johor. Beliau tinggal di Parit Maimon, Simpang Kiri, Batu Pahat. Beliau terlibat dalam penubuhan Tentera Sabil Selendang Merah di Batu Pahat bagi menentang Bintang Tiga yang menyerang orang Melayu. Setiap anggota diberikan sehelai selendang Merah yang tertulis ayat al-Quran dan mereka menggunakan pelbagai senjata seperti parang panjang, senapang patah, lembing, pedang, keris, sundang dan tombak. Lihat Hairi Abdullah, "Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat", *Jebat*, Bil. 3/4, 1973/74-1974/75, hlm. 9-10.

44 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 260.

45 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 9/1948, 15 Mei 1948, hlm. 296.

Madrasah Ittihadiyyah.<sup>46</sup> Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga dilaporkan telah mengadakan perbincangan sulit dengan Haji Mohamed Yattim, salah seorang ahli jawatankuasa madrasah tersebut berkenaan tujuan penubuhan Hizbul Muslimin. Berikut merupakan isi kandungan perbincangan tersebut:

1. PKM akan bertindak tidak lama lagi bagi mewujudkan pergolakan dalam negara bertujuan untuk mengawal kerajaan.
2. Pergolakan tersebut akan menjadi lebih besar dan lebih hebat berbanding ketika pendudukan Jepun.
3. Disebabkan matlamat komunis (PKM) tidak hanya mempengaruhi kerajaan Tanah Melayu sebaliknya turut mempengaruhi orang Melayu, maka Hizbul Muslimin sedang ditubuhkan di seluruh Tanah Melayu.
4. Hizbul Muslimin akan menuntut semula Tanah Melayu sebaik sahaja Tanah Melayu jatuh ke tangan komunis (PKM), ataupun selepas British dihalau keluar.
5. Hizbul Muslimin telah mengadakan hubungan dengan Indonesia, dan pertolongan akan datang dari Indonesia untuk menentang komunis (PKM).
6. Jika orang Melayu tidak bersatu, komunis (PKM) pasti akan dapat mencapai matlamat mereka seterusnya mendapat pertolongan daripada Rusia.<sup>47</sup>

Laporan dari Seremban, Negeri Sembilan menyatakan bahawa Bahagian Belia Hizbul Muslimin telah berjaya ditubuhkan dan ibu pejabatnya terletak di Gunung Semanggol. Bahagian Belia Hizbul Muslimin dipimpin oleh Ustaz Osman bin Hamzah dan dibantu oleh beberapa orang belia daripada tenaga pengajar Maahad al-Ihya' al-Syarif, Gunung Semanggol.<sup>48</sup> Matlamat utama penubuhan Bahagian Belia Hizbul Muslimin juga mempunyai persamaan dengan Hizbul Muslimin sendiri. Berikut merupakan prinsip Bahagian Belia Hizbul Muslimin:

- 
- 46 Tengku Osman merupakan Setiausaha Sulit kepada Tengku Hassan, Gabenor Sumatera. Kedatangan beliau ke Tanah Melayu bertujuan untuk memupuk perpaduan antara Tanah Melayu dan Indonesia. Menurut laporan *Malayan Security Service* (MSS), Tengku Osman dianggap sebagai penggerak Hizbul Muslimin. Sebelum Perang Dunia Kedua, beliau pernah menjadi editor majalah *Fajar Asia* yang diterbitkan di Sumatera. Ketika pendudukan Jepun, Tengku Osman telah bekerja di Manila, Filipina bagi pihak tentera Jepun. Beliau merupakan ahli Masyumi di Indonesia dan dipercayai telah dihantar ke Tanah Melayu bagi menguruskan pentadbiran Masyumi di Tanah Melayu. Beliau bukan sahaja mempunyai hubungan dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy iaitu Penasihat PKMM, bahkan merupakan sahabat rapat Kiyai Haji Mashoor, pengasas Hizbul Muslimin. Beliau juga dianggap sebagai ketua penulis draf ketika pembentukan undang-undang dan perlembagaan Hizbul Muslimin. Lihat CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 545. Perpaduan Rakyat Kalimantan (PRK) atau Perpaduan Rakyat Kalimantan Malaya (PERAM) merupakan sebuah pertubuhan yang mewakili rakyat Tanah Melayu yang berasal dari Borneo. PERAM juga menyokong perjuangan Republik Indonesia dalam mewujudkan Indonesia Raya dan mengkritik sekatan ekonomi yang dikenakan oleh penjajah Belanda terhadap perdagangan antara Indonesia dengan negara luar. Walau bagaimanapun, anggota PERAM masih mengekalkan hubungan rapat dengan penduduk Tanah Melayu. Lihat CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 261.
- 47 CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 544. Pengaruh komunis dalam Hizbul Muslimin sendiri sukar dibendung. Menurut British, Ustaz Abu Bakar al-Baqir sendiri merupakan pengikut seorang guru agama bernama Abu Zar Ghaffari yang percaya bahawa "komunis wujud dalam Islam". Fahaman ini begitu popular di Indonesia meskipun fahaman tersebut telah dikritik oleh ulama al-Azhar, Mesir. Lihat Appendix "A", dalam CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 6.
- 48 Menurut Harper, Ustaz Osman bin Hamzah dilaporkan cuba mengganggu kepimpinan islah dalam Maahad al-Ihya' al-Syarif agar terlibat secara aktif dalam kegiatan politik. Beliau bukan sahaja merupakan bekas anggota KMM cawangan Perak yang aktif, malah pernah menjalinkan hubungan dengan pemimpin radikal Indonesia seperti Sutan Djenain. Lihat T. N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge university Press, 2001, hlm. 122.

REAKSI BRITISH TERHADAP KEGIATAN MAJLIS AGAMA TERTINGGI (MATA)  
DAN HIZBUL MUSLIMIN DI TANAH MELAYU, 1948-1949

1. Islam.
2. Soleh.
3. Kemanusiaan.
4. Keadilan.
5. Demokrasi.

Matlamat penubuhan Bahagian Belia Hizbul Muslimin adalah seperti berikut:

1. Melindungi perjuangan Islam.
2. Memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan Tanah Melayu.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Menyatukan belia Islam di seluruh Tanah Melayu.
2. Menubuhkan “jabatan-jabatan” tertentu jika dianggap perlu.
3. Memupuk kemajuan dalam bidang pendidikan, ekonomi dan kebudayaan.<sup>49</sup>

Setiap Ahli Jawatankuasa pula bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju politik Bahagian Belia Hizbul Muslimin dan memberikan arahan kepada ahli-ahli. Sebuah jawatankuasa dikenali sebagai “Jabatan Perhubungan” akan dibentuk bagi mengekalkan perhubungan di dalam dan luar negara dalam bidang politik, perhubungan dan pergerakan. Lambang Bahagian Belia Hizbul Muslimin pula merupakan bunga Melati berserta daun. Keahlian pula dibuka kepada mereka yang berumur antara 15 hingga 35 tahun. Mereka juga disyaratkan menjadi ahli Hizbul Muslimin terlebih dahulu dengan membayar yuran langganan sebanyak 30 sen sebulan, dan yuran langganan Bahagian Belia Hizbul Muslimin sebanyak 30 sen bagi setiap empat bulan.<sup>50</sup> Setiap ahli yang memegang jawatan dalam Bahagian Belia Hizbul Muslimin dilarang daripada menyertai parti politik lain, manakala setiap perhubungan dengan negara luar perlu mendapat kebenaran Hizbul Muslimin terlebih dahulu. Setiap ahli Bahagian Belia Hizbul Muslimin juga akan menjalani latihan pengakap dan bentuk latihan yang lain.<sup>51</sup>

Mesyuarat sulung Hizbul Muslimin cawangan Selangor yang dipimpin oleh Ustaz Mohamed Sasi selaku Presiden pula telah diadakan di Sekolah Arab, Kajang pada 24 April 1948. Mesyuarat tersebut dihadiri sekitar 110 orang hadirin seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Raja Idris selaku Penghulu Kajang dan Tuan Haji Arshad selaku Kadi Lenggeng, Negeri Sembilan, termasuklah 35 orang perempuan yang merupakan anggota AWAS. Ketika

49 CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 545.

50 Borang keahlian Bahagian Belia, Hizbul Muslimin juga mengandungi beberapa pengisytiharan seperti berikut:

1. Saya mengaku bahawa saya akan setia terhadap undang-undang *Shabāb Hizb al-Muslimin* (Bahagian Belia Hizbul Muslimin) dan menjaga disiplin sebagaimana yang ditetapkan.
2. Saya bersedia untuk mempertahankan maruah dan integriti Islam.
3. Saya bersedia untuk mengorbankan diri saya demi negara dan bangsa saya.
4. Saya akan mencuba sedaya upaya berkelakuan mengikut ajaran Allah dan Nabi Muhammad SAW.
5. Saya tidak akan menjadi pengkhianat kepada agama, negara dan bangsa dalam apa jua keadaan.

51 Terdapat juga laporan mengenai sepucuk surat yang mengandungi tandatangan “K.P.U.”. Penerima surat tersebut merupakan Mohamed Deli, pemilik sebuah kedai kopi yang terletak di selekoh Jalan Jelebu-Kuala Pilah. Beliau dipercayai telah menghentikan penjualan arak dan memberhentikan pekerja Cina. Tandatangan “K.P.U.” kemungkinan besar merujuk kepada “Kumpulan Pembela Ugama”, sekali gus mengandaikan kewujudan golongan pelampau Melayu daripada puak kiri di sana. Lihat CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 546.

menyampaikan ucapan pembukaan, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa orang Melayu jauh ketinggalan dalam segenap aspek kehidupan, dan beliau menyalahkan guru agama dan pegawai agama disebabkan pencapaian orang Melayu yang masih perlahan dalam bidang agama. Meskipun guru agama telah dilantik oleh sultan untuk mengajar Islam, namun mereka kelihatan agak malas dan hanya berminat dengan hal ehwal mereka sendiri. Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga mendakwa bahawa golongan aristokrat Melayu dan pegawai tinggi kerajaan sudah hilang kepercayaan terhadap Islam, dan keadaan ini juga banyak dipengaruhi oleh pengaruh penjajah. British juga memaparkan laporan dari Selangor berkenaan percubaan Hizbul Muslimin cawangan Selangor menghubungi pemimpin Melayu berhaluan kiri di Hulu Langat, Selangor bagi membincangkan penubuhan Bahagian Belia Hizbul Muslimin cawangan Selangor.<sup>52</sup>

British turut menyiarkan laporan dari Negeri Sembilan yang menegaskan bahawa Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah menghadiri mesyuarat yang diadakan di Lenggeng, Negeri Sembilan pada 24 April 1948. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh ahli PKMM, PETA dan Persatuan Indonesia Merdeka (PIM).<sup>53</sup> Dalam ucapannya, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa semua parti politik Melayu di Tanah Melayu sepatutnya bersatu di bawah panji-panji Islam, selain menyatakan bahawa Hizbul Muslimin akan berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu selari dengan garisan perlembagaan. Satu keputusan juga telah dicapai di akhir mesyuarat tersebut untuk menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Lenggeng, selain cadangan untuk menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di seluruh Negeri Sembilan. Antara individu yang berpengaruh dalam Hizbul Muslimin di Negeri Sembilan ialah Mohamed Yusof bin Mahmud, seorang majistret di Seremban dan Hamid bin Naran, bekas ahli KMM dan PKMM. Namun begitu, sumber *Malayan Security Service* (MSS) hasil temu bual dengan Mohamed Yusof menunjukkan beliau tidak begitu bersungguh-sungguh dalam penubuhan Hizbul Muslimin.<sup>54</sup> British juga melaporkan perhubungan antara LEPIR, salah sebuah pertubuhan di bawah MATA dengan PKM melalui perhubungan erat antara salah seorang Ahli Jawatankuasa LEPIR bernama Baharuddin dengan Dat bin Abdullah, seorang anggota PKM.<sup>55</sup>

British juga menyiarkan laporan dari Kedah berkenaan lawatan Ustaz Abu Bakar al-Baqir ke Kedah pada 2 Mei 1948. Kedatangan beliau ke Kedah bertujuan untuk menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Kedah, namun beliau gagal mendapatkan sokongan Haji Hussin bin Che Dol, Presiden Persatuan Guru-Guru Agama. Dalam perbualannya, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa masanya hampir tiba apabila Islam akan bangkit semula menentang kesemua penguasaan luar. Bagi orang Melayu pula, sudah tiba masanya bagi mereka untuk bangkit semula seterusnya membebaskan diri daripada belenggu penjajah.<sup>56</sup>

52 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 9/1948, 15 Mei 1948, hlm. 296.

53 Persatuan Indonesia Merdeka (PIM) merupakan sebuah pertubuhan yang berjuang bagi membantu Indonesia mencapai kemerdekaan. PIM juga mempunyai delegasi dari seluruh Tanah Melayu seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Singapura. Terdapat juga delegasi PIM dari Riau dan Aceh. Lihat CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 175.

54 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 9/1948, 15 Mei 1948, hlm. 297. *Malayan Security Service* (MSS) merupakan organisasi perisikan utama dalam *British Military Administration* (BMA). Organisasi tersebut bertanggungjawab untuk menyiasat dan menyediakan laporan berkenaan perisikan keselamatan dan politik di Tanah Melayu dan Singapura. Pentadbiran MSS dipimpin oleh Pengarah MSS yang berpangkalan di Singapura. Lihat Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-60: The Role of the Special Branch in the Malayan Emergency*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) Publishing, 2008, hlm. 25.

55 CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 9/1948, 15 Mei 1948, hlm. 300.

56 *Ibid.*, hlm. 296.

REAKSI BRITISH TERHADAP KEGIATAN MAJLIS AGAMA TERTINGGI (MATA)  
DAN HIZBUL MUSLIMIN DI TANAH MELAYU, 1948-1949

British juga melaporkan bahawa *Utusan Melayu* keluaran 7 Mei 1948 ada menyiarkan berita berkenaan perhimpunan yang telah diadakan di bangunan PKMM cawangan Seremban, Negeri Sembilan bagi mengalu-alukan penubuhan Hizbul Muslimin.<sup>57</sup> Walau bagaimanapun, perhimpunan tersebut sebenarnya tidak pernah diadakan, bahkan Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan beberapa pengikutnya hanya bermalam di ibu pejabat PKMM cawangan Seremban sahaja. Menurut British lagi, *Utusan Melayu* tidak mempunyai wakil di Seremban dan berita tersebut kemungkinan besar dilaporkan oleh Ibrahim bin Baba, salah seorang pegawai PETA.<sup>58</sup>

Pada 10 Mei 1948, cawangan Hizbul Muslimin dilaporkan telah diwujudkan di Kluang, Johor dan dipimpin oleh Ustaz Othman bin Rahimin selaku Presiden dan Imam Mahmud bin Yussof selaku Timbalan Presiden. Dalam mesyuarat yang diadakan di Kluang, Ustaz Asri Abdullah Salleh dari Gunung Semanggol, Perak menyatakan bahawa meskipun Hizbul Muslimin mengambil berat terhadap kritikan yang dilemparkan oleh UMNO dan golongan aristokrat, namun mereka tidak gentar terhadap kritikan tersebut dan akan terus berjuang sehingga kemerdekaan Tanah Melayu berjaya dicapai. Pada 11 Mei 1948, cawangan Hizbul Muslimin di Tanjong Karang, Selangor juga berjaya ditubuhkan dan dipimpin oleh Haji Rahmad bin Haji Jailani selaku Presiden dan Omar bin Kiyai Marzuki selaku Timbalan Presiden. Terdapat sekitar 115 hadirin telah menghadiri mesyuarat penubuhan cawangan Hizbul Muslimin di Tanjong Karang, termasuklah ahli Angkatan Wanita Sedar (AWAS).<sup>59</sup>

Pada 14 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir dilaporkan tiba di Kemaman, Terengganu dan disambut oleh Abu Bakar bin Mohamed Amin, bekas Timbalan Pengutip Hasil Tanah Kemaman yang kini merupakan Presiden PKMM cawangan Terengganu. Ketika menyampaikan ucapan di sebuah masjid, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa semua umat perlu bersatu. Beliau juga menegaskan bahawa meskipun segelintir pihak beranggapan bahawa perjuangan politik Hizbul Muslimin berada di pihak kiri dan sebaliknya, namun tujuan utama penubuhan Hizbul Muslimin ialah bagi menyatukan UMNO dan PKMM. Pada 15 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir tiba di Kuala Terengganu. Beliau kemudian menyampaikan ucapan di ibu pejabat PKMM, namun ceramah beliau tidak menegaskan usaha Hizbul Muslimin untuk menyatukan UMNO dan PKMM sebagaimana ceramah beliau sebelumnya. Beliau sebaliknya mengkritik UMNO kerana tidak membantu orang ramai. Beliau juga menegaskan bahawa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu hanyalah “perangkap dan angan-angan”, dan usaha menghalang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu hanya boleh dicapai melalui kerjasama dengan PKMM.<sup>60</sup> British juga melaporkan bahawa *Utusan Melayu* keluaran 15 Mei 1948 ada menyiarkan rencana tulisan Yunus bin Yatimi

---

57 *Utusan Melayu*, 7 Mei 1948, hlm. 2. Perhubungan yang rapat antara Hizbul Muslimin dengan PKMM menyebabkan Hizbul Muslimin sering dianggap sebagai “Sayap Islam” bagi nasionalisme Melayu. Lihat Joseph Chinyong Liow, *Piety and Politic*, hlm. 21.

58 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 10/1948, 31 Mei 1948, hlm. 362. Ikatan Pemuda Tanah Air (PETA) telah ditubuhkan pada 19 Oktober 1947. Dalam Kongres PETA yang diadakan di Temerloh, Pahang pada 25 hingga 29 Mac 1948, jawatankuasa baru PETA akhirnya telah dibentuk seperti berikut:

1. Presiden: Wahi Anuar (Wan Chik bin Awang)
2. Timbalan Presiden: Ali Ibrahim
3. Setiausaha: Ibrahim Baba
4. Bendahari: Atom Mun
5. Propaganda: Idris Haji Abdul Rahman

Dalam kongres tersebut juga, keputusan sebulat suara telah dicapai untuk menukar nama pertubuhan tersebut, iaitu daripada Ikatan Pembela Tanah Air (PETA) kepada Pembela Tanah Air (PETA). Lihat CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 7/1948, 15 April 1948, hlm. 215.

59 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 10/1948, 31 Mei 1948, hlm. 362.

60 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 11/1948, 15 Jun 1948, hlm. 415.

yang merayu kepada golongan ulama dan pihak berwajib agar bangkit semula seterusnya terlibat secara aktif dalam bidang politik.<sup>61</sup> Menurut British, penulis rencana tersebut iaitu Yunus bin Yatimi merupakan Setiausaha Hizbul Muslimin. Beliau juga merupakan bekas Ketua Propaganda API cawangan Selangor, malah pernah menjawat jawatan yang sama dalam PKMM.<sup>62</sup>

Pada 16 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan pengikutnya tiba di Besut, Terengganu dan menghadiri perhimpunan yang dihadiri hampir 300 orang hadirin di Kampung Raja. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa UMNO, PKMM dan Hizbul Muslimin sepatutnya bersatu bagi mencapai kebebasan. Kehadiran beliau ke Besut juga turut mendapat sokongan Naib Kadi Besut. Dalam ucapannya, Abu Bakar bin Mohamed Amin iaitu Presiden PKMM cawangan Terengganu pula menegaskan bahawa meskipun beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan yang menduduki jawatan penting, namun beliau memutuskan untuk melepaskan jawatan beliau kerana berasa begitu marah terhadap tindakan penjajah yang telah menghapuskan pemikiran mengenai kebebasan.<sup>63</sup>

British juga menyiarkan laporan dari Seremban yang menyatakan bahawa Yunus bin Yatimi, Setiausaha Hizbul Muslimin dan bekas Bendahari Angkatan Pemuda Insaf (API) telah melawat Labu, Negeri Sembilan pada 16 Mei 1948 bagi memenuhi jemputan Hamdan bin Abdul Latif, Presiden PKMM cawangan Labu, Negeri Sembilan. Ketika memberikan ucapan dalam majlis makan malam anjuran Hamdan bin Abdul Latif, Yunus bin Yatimi telah memulakan ucapannya dengan menceritakan sejarah awal Islam, seterusnya memetik beberapa ayat al-Quran bagi meyakinkan pendengar bahawa mereka dapat mencapai kemerdekaan melalui pendekatan agama. Hamdan bin Abdul Latif kemudian telah diamanahkan untuk menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Labu, Nilai dan Salak. Pemerhatian yang dijalankan menunjukkan bahawa usaha menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di kawasan-kawasan tersebut kemungkinan besar sukar untuk mencapai kejayaan kecuali di kawasan Salak sahaja.<sup>64</sup>

Pada 18 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah menyampaikan ucapan di Kota Bharu, Kelantan dan menegaskan bahawa Tanah Melayu merupakan sebuah negara yang kaya, namun kekayaan tersebut tidak dapat dinikmati oleh penduduk Tanah Melayu sebaliknya dibolot oleh golongan penjajah. Beliau juga menegaskan bahawa kepercayaan tidak boleh diberikan kepada sekolah kerajaan, sekali gus memerlukan kepada penubuhan sekolah rakyat. Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga telah merasmikan penubuhan cawangan Hizbul Muslimin di Kampung Machang dan di Kota Bharu, Kelantan. Haji Ismail bin Haji Yusoff pula telah dilantik sebagai Presiden Hizbul Muslimin cawangan Kota Bharu, Kelantan. Pada 21 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah meninggalkan Kota Bharu, Kelantan menuju ke Besut, Terengganu.<sup>65</sup>

Pada 21 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan pengikutnya telah melawat Kelantan, seterusnya mengadakan mesyuarat di Besut, Terengganu. Dalam mesyuarat tersebut, Mohamed Sanari dari Kuala Besut dilaporkan telah menyampaikan ucapan bersifat "antipenjajah". Mesyuarat berikutnya pula telah diadakan di Dungun, Terengganu pada

61 *Utusan Melayu*, 15 Mei 1948, hlm. 3.

62 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 11/1948, 15 Jun 1948, hlm. 416.

63 *Ibid.*, hlm. 415.

64 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 10/1948, 31 Mei 1948, hlm. 363. Presiden PKMM cawangan Negeri Sembilan ketika itu merupakan Musa bin Ahmad. Beliau merupakan Ketua Barisan Tani Se-Malaya yang berada di bawah pentadbiran PKMM, dan merupakan salah seorang anggota PKM. Lihat Ahmad Bostamam, *Carving the Path to the Summit*, Athens, Ohio: Ohio University Press, 1979, hlm. 3.

65 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 10/1948, 31 Mei 1948, hlm. 362.

23 Mei 1948. British juga melaporkan bahawa *Utusan Melayu* keluaran 2 Jun 1948 telah memberikan pandangan berkenaan lawatan Ustaz Abu Bakar al-Baqir di Pantai Timur. Menurut *Utusan Melayu* lagi:

*According to Abu Bakar, rapid changes were taking place in the Malay community. The paper quoted Abu Bakar as saying that the Malays would obtain self-government in 10 years.*<sup>66</sup>

Cawangan Hizbul Muslimin di Alor Gajah, Melaka juga dilaporkan telah berjaya ditubuhkan pada 23 Mei 1948. Laporan dari Melaka pula menyatakan bahawa Tan Cheng Lock telah menerima surat daripada Hizbul Muslimin yang memohon \$200 kerana, “*in return for a certain favour*”. Mengulas mengenai surat tersebut, Tan Cheng Lock menjelaskan bahawa beliau sering memberikan derma untuk tujuan amal tanpa mengira kaum.<sup>67</sup>

Dalam sebuah mesyuarat yang diadakan di Pulau Pinang pada 4 Jun 1948 sempena memperingati peristiwa Israk Mikraj, Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah mencadangkan penubuhan cawangan Hizbul Muslimin di Balik Pulau, Pulau Pinang. Namun begitu, tiada respons diberikan tentang cadangan tersebut menyebabkan cadangan tersebut terpaksa ditangguhkan. Borang keahlian Hizbul Muslimin juga telah diedarkan dan urusan tersebut telah diserahkan kepada ahli PKMM, Pulau Pinang. Terdapat juga percubaan untuk menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Bukit Mertajam, namun urusan tersebut juga telah diserahkan kepada PKMM. Laporan dari Perak pula menyatakan bahawa Bahagian Belia Hizbul Muslimin telah berjaya ditubuhkan di Sekolah Arab Gunung Semanggol (Maahad al-Ihya' al-Syarif) pada 5 Jun 1948. Laporan akhbar pula menyebut bahawa lebih daripada 200 perwakilan yang mewakili pelbagai pertubuhan belia di seluruh Tanah Melayu telah menghadiri perhimpunan tersebut.<sup>68</sup> British turut melaporkan penubuhan Bahagian Belia Hizbul Muslimin hasil daripada mesyuarat yang telah diadakan di Maahad al-Ihya' al-Syarif, Gunung Semanggol pada 6 Jun 1948. Mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh Mohamed Asri telah dihadiri hampir 200 orang belia, termasuklah Presiden Hizbul Muslimin, Ustaz Abu Bakar al-Baqir.<sup>69</sup>

British turut memaparkan laporan dari Perak berkenaan kehadiran seorang individu bernama Bung Shariff Mujoo di Pulau Pinang pada 12 Jun 1948, seterusnya bertolak ke Gunung Semanggol pada keesokan harinya. Beliau disyaki sebagai pegawai Barisan Tentera Masyumi di Sumatera dan dilaporkan melawat seluruh Tanah Melayu bagi menyiasat aktiviti

66 *Ibid.* Lihat juga *Utusan Melayu*, 2 Jun 1948, hlm. 2. Agak menarik untuk meneliti ucapan Ustaz Abu Bakar al-Baqir sebagaimana yang terdapat dalam *Utusan Melayu* (keluaran 2 Jun 1948) bahawa masyarakat Melayu akan mencapai kemerdekaan dalam tempoh 10 tahun. Jika kita meneliti ramalan Ustaz Abu Bakar al-Baqir tentang kemerdekaan Tanah Melayu, maka ramalan beliau hampir tepat kerana Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, iaitu selepas sembilan tahun beliau menyampaikan ucapan tersebut pada tahun 1948.

67 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 11/1948, 15 Jun 1948, hlm. 416. Tan Cheng Lock (1883-1960) dilahirkan di Melaka dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Inggeris. Beliau kemudian terlibat dalam industri getah. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perbandaran Melaka, selain pernah menjadi Pengerusi *All-Malaya Council Joint Action* (AMCJA) bagi menentang pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, seterusnya dilantik sebagai Presiden *Malayan Chinese Association* (MCA) yang ditubuhkan pada tahun 1949. Lihat Zainal Abidin Abdul Wahid, “Kemunculan dan Perkembangan Parti Politik: 1948-1951”, dalam Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (ed.), *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 303-307.

68 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 11/1948, 15 Jun 1948, hlm. 416.

69 *Ibid.*, hlm. 448. Mohamed Asri dilahirkan di Kelantan dan merupakan bekas Pegawai Propaganda API. Setelah API diharamkan, beliau menyertai PETA. Menurut laporan *Malayan Security Service* (MSS), beliau merupakan Pegawai Khas Hizbul Muslimin. Lihat CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 545.

rakyat Indonesia yang tinggal di Tanah Melayu. Laporan dari Perak pula menyatakan bahawa Bung Shariff Mujoo akan menjadi salah seorang tenaga pengajar di Maahad al-Ihya' al-Syarif, Gunung Semanggol. Beliau juga dikenali sebagai Shukor Shariff dan dengan nama tersebut, beliau telah mencadangkan penubuhan *Syabāb Hiz al-Muslimīn* (Bahagian Belia Hizbul Muslimin).<sup>70</sup>

British turut melaporkan penangkapan beberapa pemimpin tertinggi Hizbul Muslimin dan pemimpin tertinggi Bahagian Belia Hizbul Muslimin pada 29 Julai 1948 seperti berikut:

1. Ustaz Abu Bakar al-Baqir @ Abu Bakar bin Said @ Sheikh Bakar Rapik (Presiden Hizbul Muslimin).
2. Ustaz Abdul Rab Tamimi bin Sulaiman (Ketua Propaganda Hizbul Muslimin).
3. Ustaz Abdul Rauf bin Ahmad.<sup>71</sup>

Menurut British, Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Ustaz Abdul Rab Tamimi merupakan “musuh kerajaan dan musuh raja-raja yang terkenal”, malah terlibat dalam hampir semua organisasi politik berhaluan kiri. Dalam kes Ustaz Abu Bakar al-Baqir, beliau juga didapati terlibat dalam kegiatan kesusasteraan anjuran komunis ketika ditahan. Ustaz Abdul Rauf bin Ahmad pula dianggap sebagai seorang yang kasar dan bersikap antikerajaan dan antiraja, malah disyaki bertugas sebagai pengawal peribadi Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Beliau juga disyaki sebagai ahli PKM kerana pernah bersahabat dengan orang Cina di Kedah dan Taiping, Perak.<sup>72</sup> Beberapa tangkapan lain juga telah dibuat terhadap ahli Hizbul Muslimin:

1. Mohamed bin Abbas.<sup>73</sup>
2. Saidon bin Abdul Jalal.<sup>74</sup>
3. Che Lah bin Haji Mohamed.<sup>75</sup>
4. Mohamed Noor bin Haji Mokhtar.<sup>76</sup>

70 CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 13/1948, 15 Julai 1948, hlm. 487.

71 CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 584. Ketiga-tiga mereka telah ditahan lebih kurang lima tahun dan ditempatkan di beberapa pusat tahanan iaitu bermula di pusat tahanan di Taiping (6 bulan), Pulau Jerejak, Pulau Pinang (6 bulan), Tanjung Beruas, Melaka dan Ipoh. Penahanan mereka kemungkinan ada kaitan dengan laporan polis yang dibuat oleh Penghulu Muda yang baru bertugas di Gunung Semanggol pada awal tahun 1948. Beliau merupakan saudara kepada Dato' Zainal Abidin Abas yang merupakan rakan kepada Dato' Onn Jaafar, pengasas UMNO. Kemungkinan besar beliau dihantar bertugas di Gunung Semanggol atas kehendak UMNO bagi memantau pergerakan Hizbul Muslimin. Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol*, hlm. 200.

72 Terdapat juga laporan yang menyatakan bahawa penahanan mereka dilakukan di bawah Undang-Undang Darurat. Lihat *Utusan Melayu*, 2 Ogos 1948, hlm. 2.

73 Mohamed bin Abbas merupakan seorang keturunan Banjar yang berasal dari Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak. Beliau juga merupakan Timbalan Presiden Perpaduan Rakyat Kalimantan (PRK) di Masjid Tinggi. Beliau juga merupakan salah seorang penghasut dalam serangan yang berlaku pada tahun 1947, dan dipercayai bersifat antikerajaan dan antiraja.

74 Saidon bin Abdul Jalal merupakan seorang keturunan Sumatera dan berasal dari Bagan Serai, Perak. Beliau merupakan salah seorang pemimpin Parti Sabilullah yang telah mengisytiharkan kebangkitan komunis sebagai Perang Suci (Jihad).

75 Che Lah bin Haji Mohamed merupakan seorang keturunan Melayu yang berasal dari Bagan Serai, Perak. Beliau merupakan sahabat Saidon bin Haji Abdul Jalal dan terlibat secara langsung dalam menyebarkan doktrin Parti Sabilullah. Beliau dipercayai bersifat antikerajaan dan antiraja.

76 Mohamed Noor bin Haji Mokhtar merupakan seorang keturunan Banjar yang berasal dari Sungai Labu, Parit Buntar, Perak. Beliau merupakan guru agama di Masjid Batu Lima, Sungai Labu dan merupakan Bendahari PKMM cawangan Sungai Labu. Beliau dipercayai bersifat antikerajaan dan antiraja.

77 Anwar bin Haji Taha merupakan seorang keturunan Banjar yang berasal dari Medan, Sumatera. Beliau merupakan guru agama di Masjid Tinggi, Bagan Serai. Beliau turut membantu Mohamed bin Abbas dan Ustaz Wahab dalam menyebarkan propaganda antikerajaan. Selain bekas ahli PKMM, beliau juga bersifat antikerajaan dan antiraja.

5. Anwar bin Haji Taha.<sup>77</sup>

Penangkapan Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Ustaz Abdul Rab Tamimi dan Ustaz Abdul Rauf bin Ahmad juga menyebabkan salah seorang pegawai Hizbul Muslimin bernama Mohamed Asri telah bertindak menghantar telegram kepada Pesuruhjaya Jeneral British bagi membantah penangkapan mereka. Dalam telegram tersebut, Mohamed Asri menegaskan bahawa Hizbul Muslimin dan Tanah Melayu sentiasa berada dalam keadaan aman dan mempunyai undang-undang yang tersendiri. Beliau juga menyeru agar para pemimpin Hizbul Muslimin dibebaskan atas nama Hizbul Muslimin dan seluruh umat Islam.<sup>78</sup>

Pada 28 Julai 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir selaku Presiden Hizbul Muslimin pernah menulis surat kepada Pesuruhjaya Jeneral British bagi mengisytiharkan bahawa Hizbul Muslimin sebenarnya merupakan sebuah parti politik Islam yang berasaskan agama Islam, dan Hizbul Muslimin sendiri berusaha untuk mencapai matlamat perjuangan melalui jalan keamanan dan saluran perlembagaan kerana Islam sendiri tidak pernah mengiktiraf keganasan. Malah tujuan utama penubuhan Hizbul Muslimin ialah bagi membangkitkan keadaan sosial orang Melayu yang beragama Islam, selain meluaskan pemahaman mereka terhadap agama.<sup>79</sup>

Pada bulan Ogos 1948, Setiausaha Hizbul Muslimin dilaporkan telah melawat Pulau Pinang. Beliau dilaporkan sedang merancang penerbitan sebuah pamflet berjudul *Siaran Benar* yang akan melaporkan kegiatan Hizbul Muslimin dan peranan yang dimainkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir sehingga penangkapan beliau di Melaka. British juga melaporkan bahawa salah seorang anggota Hizbul Muslimin mengaitkan penangkapan tiga pemimpin utama Hizbul Muslimin akibat permusuhan mereka dengan Menteri Besar Perak iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang.<sup>80</sup> British juga beranggapan bahawa pergerakan Hizbul Muslimin boleh mengancam keselamatan melalui perjuangan politik bercorak agama yang boleh menarik sokongan ahli UMNO dan PKMM. Hizbul Muslimin yang telah dibiayai oleh Parti Masyumi dari Indonesia juga boleh menjadi jambatan perhubungan antara PKMM dengan UMNO. Ketika ini Hizbul Muslimin masih lagi dikawal oleh komunis dari Indonesia, namun perjuangan politik bercorak agama yang diperjuangkan mampu menarik sokongan orang Melayu daripada pelbagai kelas.<sup>81</sup>

Pada bulan September 1949, British melaporkan bahawa Hizbul Muslimin kemungkinan besar akan dibubarkan. Menurut Haji Ariffin yang merupakan Ketua Satu Hizbul Muslimin, keadaan kesihatan beliau yang tidak mengizinkan menyebabkan beliau tidak mampu lagi meneruskan tugasnya. Beliau juga mempunyai hutang disebabkan pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ). Bahkan anaknya sendiri yang merupakan seorang penjawat awam dan ahli UMNO juga telah memberi amaran bahawa beliau tidak akan membantu Haji Ariffin melangsaikan hutangnya kecuali Haji Ariffin berhenti daripada bidang politik. Yacob bin Hitam yang merupakan Pembantu Setiausaha Hizbul Muslimin juga berhasrat untuk meletakkan jawatan, manakala pegawai Hizbul Muslimin yang lain juga berhasrat untuk meletakkan jawatan kerana mereka percaya

78 CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 585.

79 *Ibid.*, hlm. 586.

80 Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab dilahirkan pada 4 Mei 1905 di Kuala Kangsar, Perak. Sebelum terlibat dalam politik, beliau pernah bekerja sebagai peguam di Perak (1931-1947). Beliau merupakan Menteri Besar Perak yang pertama setelah dilantik secara rasmi sebagai Menteri Besar Perak pada tahun 1948. Lihat Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 160.

81 CO 537/3754, *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No. 1/1948, 1 September 1948, Part I, *Political Intelligence Review*, hlm. 1-2.

bahawa Hizbul Muslimin tidak akan mencapai kemajuan tanpa kepimpinan Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang telah ditahan di bawah Undang-Undang Darurat. Hasrat mereka untuk meletakkan jawatan dan membubarkan Hizbul Muslimin juga tiada kaitan dengan Ordinan Pertubuhan yang baru digubal.<sup>82</sup>

British kemudian melaporkan bahawa Haji Ariffin yang merupakan Ketua Satu Hizbul Muslimin akhirnya mengumumkan bahawa penguatkuasaan Ordinan Pertubuhan yang baru digubal menyebabkan “tiada lagi kebebasan dalam politik”, sekali gus menyebabkan Hizbul Muslimin akan dibubarkan. Pembubaran Hizbul Muslimin juga menyebabkan Maahad al-Ihya’ al-Syarif mengalami masalah kewangan yang serius. Satu pekeliling yang ditandatangani oleh Setiausaha Maahad al-Ihya’ al-Syarif juga telah diedarkan bagi memohon bantuan kewangan.<sup>83</sup>

## Kesimpulan

British sentiasa memantau pergerakan pertubuhan bercorak Islam sejak penganjuran Kongres Majlis Tertinggi Agama (MATA) dan penubuhan Hizbul Muslimin, sehinggalah pembubaran Hizbul Muslimin pada bulan Oktober 1949. Penganjuran Kongres MATA bukan sahaja merupakan faktor pencetus kepada penubuhan PEPERMAS dan LEPPIR, malah lebih penting lagi membawa kepada penubuhan parti politik Islam pertama di Tanah Melayu iaitu Hizbul Muslimin. Pada peringkat awal, British sama sekali tidak menduga bahawa penganjuran MATA akan membawa kepada penubuhan pertubuhan yang akan membela ekonomi, pendidikan dan politik orang Melayu. British juga sentiasa memantau pergerakan pemimpin Hizbul Muslimin khususnya Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang dianggap sebagai “musuh negara”. British juga sentiasa mencurigai kegiatan ulama dan pemimpin Indonesia khususnya Kiyai Haji Mashoor Azahari dan Tengku Osman yang disyaki bergiat aktif dalam penubuhan Hizbul Muslimin.

Kemunculan Hizbul Muslimin benar-benar membuka mata British tentang potensi parti politik bercorak Islam dalam menarik sokongan masyarakat Melayu, sekaligus bakal menggugat kedudukan British di Tanah Melayu. British percaya bahawa Hizbul Muslimin bukan sahaja mempunyai hubungan yang rapat dengan pertubuhan berhaluan kiri khususnya PKMM, malah pengaruh komunis dalam Hizbul Muslimin juga semakin ketara melalui kerjasama yang dijalankan dengan PKM. Bagi mengelakkan Hizbul Muslimin terus mengukuhkan pengaruhnya dalam kalangan orang Melayu, British akhirnya bertindak menahan pemimpin utama Hizbul Muslimin, sekali gus menyebabkan parti tersebut mula mengalami kemerosotan akibat ketiadaan pemimpin yang berkualiti. Tindakan beberapa pemimpin Hizbul Muslimin yang meletak jawatan setelah menyedari kelemahan Hizbul Muslimin akibat ketiadaan Ustaz Abu Bakar al-Baqir akhirnya membawa kepada pembubaran Hizbul Muslimin pada bulan September 1949.

82 FO 371/76000, *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No. 19/1949, 14 September 1949, Part I, Political Intelligence Review, hlm. 275.

83 FO 371/76000, *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No. 20/1949, 28 September 1949, Part I, Political Intelligence Review, hlm. 291-292. Sebaik sahaja Maahad al-Ihya’ al-Syarif dibuka semula pada 13 Ogos 1948 iaitu sekitar dua minggu selepas penangkapan pemimpin kanan Hizbul Muslimin, jumlah pelajar sekolah tersebut menurun daripada 492 orang pelajar kepada sekitar 250 orang pelajar sahaja. Menjelang tahun 1951, jumlah pelajar sekolah tersebut berjumlah sekitar 70 orang sahaja. Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semangol*, hlm. 202-203.